

12/08/2002

Amirul akan ditawarkan ikuti kursus di Uniten

KUALA LUMPUR, Ahad - Jaguh angkat berat, Amirul Hamizan Ibrahim yang meraih tiga emas Sukan Komanwel Manchester XV11 2002 baru-baru ini akan ditawarkan mengikuti kursus persediaan di Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Pengerusi Tenaga Nasional Bhd (TNB), Datuk Dr Jamaluddin Jarjis yang juga Ahli Parlimen Rompin, berkata ini sebagai persediaan untuk membolehkannya mengambil diploma atau ijazah dalam bidang pengurusan sukan di universiti tempatan atau luar negara.

"Kita tengah fikir bagaimana untuk menyediakan masa depan anak kelahiran Rompin ini bagi mengambil diploma atau ijazah dalam pengurusan sukan kerana negara masih kekurangan pakar dalam bidang ini.

"Perkara ini kita sedang bincangkan dengan keluarganya dan kita akan umumkan pada satu acara khas untuk Amirul di Rompin pada Jumaat, malam Sabtu ini," katanya ketika ditemui selepas kejohanan Sukan Berkuda Antarabangsa 100 tahun Kelab Polo dan Menunggang Kuda Selangor (SPRC) di Ampang Hilir yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau diminta mengulas saranan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad dalam kolum "Isu bersama A.A" di Berita Minggu hari ini.

Amirul, 21, bukan saja menyapu bersih semua tiga pingat emas kategori 56kg malah turut mencipta rekod baru Sukan Komanwel. Rekodnya 115kg bagi snatch, 145kg clean & jerk dengan angkatan keseluruhan 260kg akan kekal sehingga temasya yang sama di Melbourne 2006.

Jamaluddin berkata, perbincangan sedang dibuat oleh pihak Uniten kampus di Bandar Muadzam Shah, Pahang dan jika ada kemajuan, Amirul yang juga anak pemandu lori, nanti boleh dihantar meneruskan pendidikan di universiti dalam atau luar negara.

Beliau berkata, pihaknya tidak mahu masa depan Amirul tidak menentu setelah tiada lagi bergelar juara suatu hari nanti dan oleh itu, amat penting untuk menyediakannya dengan ilmu pengetahuan.

"Kita berbincang dengan keluarganya bagaimana menyediakan masa depannya. Kita mahu dia terus jadi juara sehingga ke peringkat Sukan Asia dan Olimpik. Persediaan untuk masa depan dia sendiri iaitu ilmu," katanya.